

16 JUN 2003

ZETI-MATA WANG/I

MALAYSIA MAHU DAGANGAN DALAM PELBAGAI MATA WANG

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz berkata hari ini Malaysia mahu melihat dagangan dikendalikan dengan lebih banyak mata wang yang pelbagai.

Beliau berkata demikian apabila ditanya berhubung saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengkaji semula sebut harga minyak dalam dolar AS berikutan penurunan nilai mata wang tersebut kebelakangan ini terutama berbanding euro.

Dr Mahathir menyatakan pengeluaran minyak perlu dilindungi daripada keadaan tidak menentu pasaran mata wang terutama daya tahannya kepada manipulasi daripada pedagang mata wang.

Perdana Menteri juga berkata mungkin adalah lebih baik pembayaran bagi jualan minyak oleh negara-negara pengeluar dibuat dalam euro bersamaan dengan dolar AS kerana apabila euro meningkat ia akan memberi faedah kepada pengeluar.

Euro disebut harga pada 1.18 berbanding dolar AS hari ini. Minyak mentah disebut harga dalam dolar AS di semua pasaran minyak utama.

Zeti berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Persidangan Tahunan Minyak dan Gas ke-8 di sini, hari ini. -- BERNAMA

MAS SD ZK